

SOALAN 5

Baca petikan di bawah dengan teliti. Pisahkan ayat majmuk yang bergaris kepada 6 ayat tunggal.

Kejayaan Kolej Vokasional (KV) Keningau, Sabah di persada dunia merupakan manifestasi penglibatan secara aktif pelajar KV Keningau dalam inovasi dan pengantarabangsaan sejak tahun 2016. Kejayaan yang diraih, sama ada oleh tenaga pengajar mahupun pelajar, kami abadikan dalam Facebook sekolah untuk tatapan umum. Kami warga KV Keningau berpegang pada slogan "Rancang apa-apa yang ingin dibuat, buat apa-apa yang dirancang dan buktikan". Kami juga mempunyai tenaga pengajar yang kreatif, inovatif dan berdedikasi yang memastikan kelangsungan kecemerlangan KV Keningau dalam bidang inovasi.

Dipetik dan diubah suai daripada KV Keningau di Puncak Dunia,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, ms-168m,
Dewan Bahasa dan Pustaka

[6 markah]

Ayat Majmuk	Ayat Tunggal
1. Kejayaan Kolej Vokasional (KV) Keningau, Sabah di persada dunia merupakan manifestasi penglibatan secara aktif pelajar KV Keningau dalam inovasi dan pengantarabangsaan sejak tahun 2016.	
2. Kami juga mempunyai tenaga pengajar yang kreatif, inovatif dan berdedikasi yang memastikan kelangsungan kecemerlangan KV Keningau dalam bidang inovasi.	